

Kampong Glam wajar dikaji dan dimartabatkan

SAYA membaca rencana *Memartabat Kg Glam pada tempatnya* tulisan Encik Mohd Ayub Johari dengan penuh minat.

Saya dilahirkan di Gedung Kuning bersebelahan Istana Kampong Glam dan saya ialah penulis buku *Gedung Kuning: Memories of a Malay Childhood*.

Saya akur dengan pandangan Encik Ayub dan menyokong penuh cadangan yang diketengahkannya. Amat elok jika sejarah Kampong Glam dimartabatkan sebagai bahan sejarah Singapura yang berharga.

Semasa saya menjalankan kajian untuk menulis buku saya, saya mendapati amat sedikit bahan rujukan mengenai sejarah Melayu. Kebanyakan bahan tersebut ditulis daripada kaca mata orang asing – orang Inggeris, Cina dan sebagainya.

Malah, Allahyarhamha ibu saya pernah bertanya mengapakah kita tiada pakar sejarah berbangsa Melayu yang membuat penyelidikan daripada perspektif orang Melayu.

Beliau memberitahu saya: "Jika kita tidak menulis sejarah kita sendiri, orang lain akan menulisnya untuk kita." Kadangkala, kesahihan tulisan mereka tidak boleh dipastikan kerana kita kekurangan pakar dalam bidang ini.

Jika dahulu saya tidak begitu gemar membaca bahan sejarah, kini saya mula sedar akan pentingnya mengetahui perihal warisan kita.

Jurubina terkemuka Amerika, Encik Frank Wright, pernah berkata:

"Lack of culture means what it has always meant: ignoble civilization and therefore imminent downfall."

Jika bangsa kita tidak tahu asal usul kita, sejarah tamadun kita, kemungkinan besar kita akan kehilangan jati diri (*sense of being*) kita sebagai bangsa Melayu yang pada satu ketika merupakan bangsa yang terulung di Nusantara.

Kehilangan jati diri akan membawa kepada keruntuhan masyarakat yang sedikit sebanyak boleh kita lihat sekarang.

Oleh kerana cinta saya yang mendalam terhadap tanah tumpah darah saya di Kampong Glam, insya-Allah saya akan membuat kajian pada peringkat kedoktoran mengenai kawasan tersebut – nadi Nusantara, di Universiti Cambridge pada tahun ini.

Saya berharap masyarakat Melayu akan memberi sokongan kuat terhadap usaha saya ini, baik dari segi sokongan moral, kewangan, mahupun sumbangan gambar/bahan sejarah serta keikhlasan untuk ditemu ramah sebagai bahan rujukan dan sebagainya.

Alangkah malunya jika bangsa lain yang tampil membantu usaha saya ini sedangkan bangsa sendiri diam membatu, malah ada pula yang menghina!

Telah tiba masanya masyarakat Melayu meletakkan kembali sejarah bangsa yang terbilang pada peta sejarah dunia. Barulah kita boleh hayati kata-kata Hang Tuah: "Melayu tak hilang di dunia".

Hidayah Amin